



INSURANS

Kadar pemilikan bagi kumpulan B40 masih rendah **Ms.21**

Kadar pemilikan insurans golongan B40 masih rendah

➔ Peningkatan kos sara hidup, kekangan pendapatan isi rumah antara faktor penghalang

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@nstp.com.my

Kesedaran pemilikan insurans dalam kalangan pengguna terutama kategori golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) adalah masih rendah.

Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd (Tokio Marine Life), Toi See Jong, berkata perkara itu masih lagi berlaku meskipun kerajaan melalui beberapa syarikat insurans menawarkan pelbagai produk seperti Perlindungan Tenang.

"Ramai dalam kalangan rakyat, khususnya B40 kurang peka dengan keperluan memiliki perlindungan insurans walaupun kadar bayaran yang kami tetapkan bermula di bawah RM10 sebulan.

"Namun bagi kategori golongan isi rumah berpendapatan seder-

hana (M40), ia menunjukkan peningkatan dan mampu mencapai sasaran yang ditetapkan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 2020.

"Banyak faktor sebenarnya dalam mempengaruhi pemilikan insurans di kalangan B40 seperti peningkatan kos sara hidup dan kekangan pendapatan isi rumah. Mungkin ramai yang memandangkan RM10 sebulan itu sangat rendah bagi perlindungan insurans, namun jika mempunyai keluarga yang besar, ia boleh memberikan masalah kewangan," katanya kepada NSTP baru-baru ini.

Perlindungan asas

Perlindungan Tenang adalah inisiatif kebangsaan yang dibangunkan LIAM, Persatuan Takaful Malaysia (MTA) dan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dengan sokongan BNM.

Ia memberikan perlindungan asas bagi membolehkan kumpulan B40 melindungi diri dan keluarga daripada risiko utama kehidupan dengan sumbangan premium hanya dari beberapa ringgit sebulan.

See Jong berkata, perkara asas yang perlu dilakukan terlebih dulu adalah meningkatkan kos sara hidup kumpulan B40, menjadikan golongan berkenaan lebih berkemampuan terhadap keperluan insurans.

"Ramai yang masih tidak berkemampuan untuk menyumbang beberapa ringgit sebulan dalam



Kumpulan isi rumah

- ➔ **Kumpulan T20**
Merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan purata bulanan RM8,319 dan ke atas.
- ➔ **Kumpulan M40**
Pendapatan purata bulanan antara RM3,860 hingga RM8,319.
- ➔ **Kumpulan B40**
Pendapatan purata bulanan di bawah RM3,860.

perlindungan insurans. Walaupun peratusannya tidak berapa membimbangkan, tetapi ia perlu ditangani bagi memastikan kadar penembusan perlindungan insurans B40 meningkat," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September lalu tidak memberi impak besar kepada industri insurans tempatan kerana rejim cukai itu tidak berbeza dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), sekali gus tidak memberi bebanan baharu kepada

pemegang polisi insurans.

See Jong berkata SST bukanlah isu sebenar kepada industri insurans kerana cukai yang dikenakan tidak mengganggu kadar bayaran dan pemberian tuntutan insurans.

Platform digital

Mengenai perkembangan syarikat, beliau berkata Tokio Marine juga memfokuskan penggunaan platform digital dalam usaha menyediakan produk serta perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya.

Langkah itu, katanya sejajar dengan perkembangan teknologi serta peningkatan pesat penggunaan telefon pintar di negara ini, selain bertindak sebagai pemangkin untuk meningkatkan kadar penembusan insurans dalam kalangan rakyat negara ini kepada 75 peratus menjelang tahun 2020 seperti ditetapkan industri, berbanding 55 peratus pada masa ini.

Beliau menambah, penggunaan platform digital adalah usaha Tokio Marine meningkatkan produktiviti dalam kalangan ejen, mengurangkan tempoh masa pemprosesan polisi insurans, mengurangkan penggunaan kertas serta memudahkan pelanggan.

"Ia membantu meningkatkan produktiviti ejen kami, seterusnya menyediakan produk terbaik kepada pelanggan menerusi penggunaan elektronik dan platform dalam talian serta peralatan teknologi lain seperti iPad," katanya.



12 Sep 2018

Berita Harian, Malaysia

Author: Alzahrin Alias • Section: Bisnes • Page: 19,21 • Printed size: 561.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 19,338.00
Item ID: MY0033721358

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



Ramai yang masih tidak berkemampuan untuk menyumbang beberapa ringgit sebulan dalam perlindungan insurans. Walaupun peratusannya tidak berapa membimbangkan, tetapi ia perlu ditangani bagi memastikan kadar penembusan perlindungan insurans B40 meningkat”

Toi See Jong,
*Ketua Pegawai Eksekutif
Tokio Marine Life Insurance
Malaysia Bhd*



12 Sep 2018

Berita Harian, Malaysia

Author: Alzahrin Alias • Section: Bisnes • Page: 19,21 • Printed size: 561.00cm²

Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 19,338.00

Item ID: MY0033721358

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

SUMMARIES

INSURANS Kadar pemilikan bagi kumpulan B40 masih rendah Ms.21

Peningkatan kos sara hidup, kekangan pendapatan isi rumah antara faktor penghalang

zahrin@nstp.com.my Kesedaran pemilikan insurans dalam kalangan pengguna terutama kategori golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) adalah masih rendah. Ketua Pegawai Eksekutif Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd (Tokio Marine Life), Toi See Jong, berkata perkara itu masih lagi berlaku meskipun kerajaan melalui beberapa syarikat insurans menawarkan pelbagai produk seperti Perlindungan Tenang.